

Pemanasan Global Jejas Hidupan Marin



Oleh Zulima Palacio, VOA News

Narragansett, Rhode Island - Di Teluk Narragansett, Rhode Island, ikan flounder tidak lagi membiak seperti dulu pada musim sejuk. Zat makanan yang pernah suatu ketika dulu menyokong hidupan marin yang pelbagai, kini semakin kurang. Air laut pula menjadi lebih hangat. Teluk ini terjejas akibat penangkapan ikan berlebihan dan terdapat tanda-tanda ia mengandungi kimia beracun yang dilarang 50 tahun lalu. Pendek kata, menurut para saintis di Universiti Rhode Island, apa yang berlaku di Teluk Narragansett berlaku juga di kawasan-kawasan pesisir lain di seluruh dunia.

Reinner Lohmann mengajar kursus pencemaran marin di Universiti Rhode Island. Beliau mengkaji bahan cemar organik di Teluk Narragansett - terutamanya kandungan kimia dalam mendapan yang menjadi makanan organisma kecil dan permulaan rantaian makanan hidupan marin. Beliau telah menemui ratusan bahan cemar, termasuk racun perosak DDT yang telah diharamkan di Amerika Syarikat 40 tahun lalu. "Bahan-bahan ini mungkin berada di dalam mendapan, tetapi pada hari laut bergelora mendapan ini naik dan kandungannya dilepaskan kembali ke dalam laut dan dimakan oleh ikan," jelasnya.

Lohmann berkata setiap beberapa tahun Agensi Perlindungan Alam Sekitar A.S. akan menjalankan pemeriksaan terhadap bahan cemar dalam tisu ikan. Berdasarkan data ini, para saintis mengeluarkan panduan pemakanan selamat untuk pelbagai jenis ikan.

Panduan pemakanan ikan oleh kerajaan A.S. adalah berdasarkan risiko kanser jika seseorang makan ikan setiap hari. Menurut Lohmann, manusia mengambil masa selama 20 hingga 30 tahun untuk membuang toksik di dalam badan yang diperolehi apabila memakan ikan yang tercemar. Apa yang membimbangkan para saintis adalah pendedahan jangka panjang kepada bahan cemar ini dan pemindahan toksik daripada ibu kepada anak.

"Kita boleh mengesan bahan cemar ini hampir di mana-mana," kata Lohmann. "Kami telah melakukan kajian di Atlantik, Artik, di Pasifik - ia berada di mana-mana."

Penyelidik-penyelidik lain di Universiti Rhode Island pula sedang mengkaji kesan pemanasan suhu air laut.

"Satu darjah suhu nampak seperti tiada apa-apa kesan. Namun, jika kamu fikir kembali keadaan pada zaman dahulu (ketika glasier berada pada tahap paling tebal dan permukaan air laut di tahap terendah), perubahan suhu dari zaman itu sampai sekarang hanya lima darjah Celsius, atau 10 darjah Fahrenheit," kata Candace Oviatt. Oviatt telah mengkaji teluk ini selama lebih dari 40 tahun. "Jadi, satu darjah adalah nilai yang besar, dan kesan perubahan besar itu boleh dilihat di teluk itu pada hari ini."

Oviatt memberi contoh peningkatan hujan ribut sebanyak 80 peratus. Pada bulan April, kawasan besar Rhode Island mengalami banjir, menenggelami beberapa loji air. Bahan kumbahan, baja dan sampah bandar mengalir bebas ke teluk.

"Kesannya banyak. Salah satu yang kami alami minggu ini adalah hujan ribut besar apabila kami mendapat turunan hujan lapan inci [20.3 cm] dalam tiga hari," kata Oviatt.

Beliau menambah bahawa suhu yang lebih panas di teluk dan air hujan yang lebih banyak mencetuskan reaksi berantai dalam pengurangan tahap oksigen dan peningkatan tahap zat makanan dalam air yang boleh membunuh banyak organisma. "Ikan flounder biasanya bertelur ketika musim sejuk kerana tidak ada pemangsa, tetapi apabila air teluk menjadi lebih hangat, pemangsa akan menjadi aktif dan mula memakan telur dan anak-anak ikan flounder," katanya.

Oviatt berkata kegiatan penangkapan ikan berlebihan dan air laut yang lebih hangat telah mengurangkan jumlah ikan flounder sebanyak 75 peratus. Ini membawa kepada penamatan penangkapan komersil ikan flounder, dan pengehadan tangkapan bagi kegiatan pancing rekreasi kepada dua ekor ikan.

Walau apa pun keadaan yang berlaku di Teluk Narragansett, seorang penyelidik lain di Universiti Rhode Island, Scott Nixon, berkata teluk itu berada dalam keadaan lebih baik sekarang dari 50 tahun yang lalu apabila logam, minyak dan sisa sering dibuang terus ke dalam laut. Tetapi kini terdapat kebimbangan lain. "Saya fikir ahli ekologi pantai mungkin akan berkata yang masalah paling pervasif, kronik, berleluasa adalah pencemaran zat makanan: pencemaran nitrogen dan fosforus yang berasal dari pertanian," katanya.

Nixon berharap negara-negara membangun dapat belajar daripada kesilapan negara maju dan berhenti mencemari kawasan pantai mereka sebelum berlaku kerosakan yang lebih teruk.

Artikel asal dalam bahasa Inggeris di: <http://www.america.gov/st/energy-english/2010/April/20100423150018ptellivremos0.5418621.html?CP.rss=true%20#%20ixzz0qQaZZopk>